

Selaras modul Bahasa Melayu di sekolah antarabangsa



Pensyarah Jabatan
Bahasa Melayu,
Fakulti Bahasa
Moden dan
Komunikasi,
Universiti Putra
Malaysia (UPM)

Oleh Dr Zuraini Jusoh
bhrencana@bh.com.my

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika membentangkan Belanjaan 2026, memberikan penekanan terhadap keperluan sekolah antarabangsa mengutamakan bahasa Melayu kerana ia menjadi nadi identiti bangsa dan wahana pemikiran kebangsaan yang mesti terus dipupuk dalam jiwa rakyat.

Kenyataan Perdana Menteri ini sudah semestinya disambut baik bukan sahaja dalam kalangan pejuang bahasa, malah seluruh rakyat Malaysia. Dalam usaha mengekalkan kedaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara, sudah semestinya penguasaan bahasa Melayu perlu

diberikan perhatian tidak mengira jenis sekolah.

Apatah lagi, sekolah antarabangsa juga menjadi pilihan murid tempatan terutama golongan elit. Kini, bilangan murid tempatan di sekolah antarabangsa lebih ramai berbanding murid antarabangsa itu sendiri.

Statistik menunjukkan lebih 60 peratus daripada enrolmen murid di sekolah antarabangsa adalah murid tempatan. Saban tahun statistik pertambahan murid tempatan berlaku hingga Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek pernah mengeluarkan kenyataan bahawa peningkatan sebanyak 49.4 pe-

ratus berlaku dalam kalangan kemasukan murid Bumiputera dari 2019 hingga 2024, manakala sebanyak 30.6 peratus pula peningkatan kemasukan dalam kalangan pelajar bukan Bumiputera.

Sudah sampai masanya mata pelajaran Bahasa Melayu diberikan perhatian khusus di sekolah antarabangsa. Antaranya dengan menyelaraskan buku teks atau modul mata pelajaran Bahasa Melayu.

Hal ini pernah dikongsikan rakan guru di sebuah sekolah antarabangsa di Putrajaya bahawa mereka menghasilkan buku teks mereka sendiri. Keadaan ini membuatkan setiap sekolah antarabangsa mempunyai buku teks tersendiri.

Penguasaan jauh ketinggalan

Ironinya, guru mengakui mereka tidak mempunyai kepakaran dalam menghasilkan buku teks berkenaan, hasilnya pencapaian bahasa Melayu dalam kalangan murid di sekolah antarabangsa ini ketinggalan jauh daripada pencapaian bahasa Melayu murid arus perdana.

Justeru, sekolah antarabangsa juga sepatutnya mempunyai buku teks yang diselaraskan terutama untuk mata pelajaran Bahasa Melayu. Buku teks atau modul Bahasa Melayu ini boleh dibuat dalam bentuk digital yang membolehkan murid dan guru mengaksesnya pada bila-bila masa sesuai dengan perkembangan teknologi kini.

Buku teks berbentuk digital bukan suatu perkara yang baharu sesuai dengan perkembangan tekno-

logi dan generasi kini. Penggunaan buku teks digital ini satu langkah praktikal hingga Jepun merancang menggunakan buku teks digital sepenuhnya mulai 2030.

Secara umumnya, sekolah antarabangsa menggunakan kurikulum mengikuti negara seperti United Kingdom (UK), Amerika Syarikat (AS), Australia, Kanada atau *International Baccalaureate*.

Oleh itu, mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah antarabangsa perlu dibangunkan khas untuk memenuhi dan disesuaikan dengan kelompok murid yang terdiri daripada murid tempatan dan murid luar negara yang tidak terdedah dengan bahasa kebangsaan negara ini sebelumnya.

Namun, pengenalan terhadap identiti dan budaya Melayu perlu diberikan penekanan, selain matlamat utamanya membolehkan murid menguasai bahasa Melayu dengan baik.

Terdapat ramai pakar dalam bidang bahasa Melayu di universiti atau badan kerajaan. Pakar ini sudah semestinya sentiasa bersedia menyumbangkan kepakaran untuk menghasilkan modul atau buku teks yang boleh digunakan dan disesuaikan dengan keperluan murid sekolah antarabangsa.

Kesediaan pakar ini mestilah disokong dengan pemberian dana penyelidikan. Ini kerana untuk membangunkan buku teks yang sesuai untuk murid tempatan dan murid antarabangsa memerlukan penelitian yang jitu agar buku teks dihasilkan mencapai matlamat ditetapkan.